

02 DEC 1997

M'SIA AKAN BERBINCANG DENGAN WTO MENGENAI DAGANGAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Malaysia mahu merujuk pada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai cadangan untuk meletakkan dagangan mata wang di bawah bidang kuasa pertubuhan itu, kata Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini.

"Ia adalah sesuatu yang dianggap masih baru dan kami terpaksa merujuk pada WTO bagi mendapatkan ulasan segera sebelum saya boleh membuat cadangan bahawa Asean atau Asean campur 6 mempertimbangkannya pada peringkat kemudiannya," katanya.

Bercakap di persidangan akhbar di sini pada penghujung mesyuarat Menteri Kewangan Asean dan Asean Campur 6 selama dua hari di sini, Anwar berkata beliau akan membangkitkan perkara itu dengan WTO.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata perdagangan antarabangsa dikawal selia oleh prinsip, dasar dan peraturan yang dipersetujui dalam WTO, ia sepatutnya menjadi kandungan bagi dagangan mata wang.

"Saya akan membawa perkara ini dengan WTO secara berasingan," kata Anwar.

Menjawab soalan sama ada menteri-menteri berkenaan berpuas hati dengan kajian awal IMF mengenai dagangan mata wang, Anwar berkata mereka telah menggesa Pengarah Urusan agensi itu, Michel Camdessus untuk meluaskan skop kajiannya seperti ketelusan yang lebih besar dan teknologi maklumat dalam dagangan mata wang dan memastikan keputusan sebulat suara antarabangsa terhadap langkah-langkah yang akan diambil untuk mengkaji masalah itu.

Camdessus telah memberi taklimat ringkas kepada menteri-menteri berkenaan mengenai rumusan awal kajian itu.

Setiausaha kewangan Filipina Roberto de Ocampo mengambil peluang untuk menjelaskan kekeliruan yang menyelubungi jenis dana atau bantuan yang sedang diperbincangkan oleh menteri-menteri bagi membantu ekonomi-ekonomi yang dilanda oleh masalah mata wang.

Beliau berkata kemudahan cadangan diperbincangkan kerana tidak seperti dana, ia bukannya berkekalan dan berterusan tetapi hanya diminta apabila diperlukan.

Beliau berkata kemudahan itu akan dibentuk apabila sesebuah negara mendapati mereka berdepan dengan masalah ekonomi sementara dan memerlukan bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk memulakan usaha-usaha ke arah pembaharuan ekonomi.

"Jika didapati sumber-sumber IMF tidak mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan ekonomi khusus, barulah kemudahan cadangan ini dibentuk sama seperti kes yang berlaku di Thailand serta Indonesia dan kini di Korea Selatan," kata Ocampo.

Ocampo menambah kemudahan cadangan yang disalurkan kepada negara-negara terbabit akan menyediakan model bagaimana ia akan beroperasi di masa hadapan.

Beliau berkata, urusan itu bukan sebahagian daripada carta pertubuhan IMF dan ia tidak perlu melalui proses kelulusan lembaga pengarah IMF.

Mengenai isu yang sama, Anwar berkata kemudahan berkenaan tidak sepatutnya disalah anggap yang menteri-menteri kewangan menyokong sebarang urusan pakej penyelamat.

Ditanya sama ada China akan menentang sumbangan Taiwan terhadap kemudahan persediaan itu, Anwar berkata menteri-menteri kewangan Asean dan rakan sejawatannya, termasuk China tidak membantah selagi ia dilaksanakan

mengikuti asas-asas bukan kerajaan.

"Taiwan dibenarkan melakukan apa yang dihasratnya selagi ia bukan kerajaan," kata naib menteri kewangan pertama China, Liu Jibin, menerusi seorang penterjemah.

Mengenai cadangan Hong Kong berhubung pasaran hutang swasta untuk menyokong mata wang Asia daripada serangan peniaga mata wang, Anwar memberitahu persidangan akhbar yang berasingan kemudian bahawa dana akan dikumpulkan daripada sektor swasta bagi membantu menyokong mata wang Asia.

Anwar berkata dana daripada sumber-sumber Asia itu tidak akan digunakan bagi tujuan spekulatif tetapi di atas alasan-alasan komersil manakala pada masa yang sama menyokong mana-mana mata wang Asia.

"Ia adalah urusan komersil dengan tujuan jangka panjang bagi melindungi ekonomi Asia," jelasnya.

Pegawai-pegawai Asean dan pakar-pakar teknikal lain akan bertemu di Hong Kong dalam tempoh dua minggu ini bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai idea-idea itu, kata Anwar.

Idea Hong Kong itu akan dikaji bagi kemungkinan pengenalan awal tahun depan, tambah Anwar. -- BERNAMA

TEAM ZK MA